



No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (19)

SIARAN MEDIA

TAGAL TRADISI KG. TIONG PERKASA PERANAN KOMUNITI DALAM PEMULIHARAAN SUNGAI

SOOK, 12 Julai 2025 – YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan hari ini merasmikan Majlis Perasmian Tagal Tradisi Kampung Tiong, Daerah Sook sebagai satu usaha memperluas pelaksanaan sistem pengurusan perikanan berasaskan komuniti dalam kalangan masyarakat luar bandar Sabah.

Kampung Tiong yang terletak di Mukim Tulid merupakan sebuah penempatan luar bandar dengan penduduk seramai 150 orang, majoritinya terdiri daripada suku kaum Murut dan Dusun. Pelaksanaan sistem tagal di kampung ini melibatkan seramai 17 orang Jawatankuasa Tagal yang bertanggungjawab menyelaras pemuliharaan sungai secara tradisi dan berstruktur.

Sebagai simbolik pelancaran sistem tagal baharu ini, sebanyak **1,500 ekor benih ikan Pelian (Tor tambroides)** bersaiz antara 2 hingga 3 inci dilepaskan ke Sungai Onggom, Kampung Tiong dengan peruntukan bernilai **RM10,000.00** menerusi **Projek Pembangunan dan Pemuliharaan Sumber Perikanan Darat Mampan** di bawah Jabatan Perikanan Malaysia.

Tagal Tradisi ini diwujudkan bagi meningkatkan semula populasi ikan di sungai, di samping memupuk semangat kawalan sendiri, gotong-royong dan pemuliharaan dalam kalangan penduduk kampung. Usaha ini juga membuka potensi kepada aktiviti eko-pelancongan dan pendidikan alam sekitar pada masa hadapan.

Pelaksanaan sistem tagal di Kampung Tiong mencontohi kejayaan sistem serupa di **Kampung Sosogoh, Pagalungan, Nabawan** yang kini menjadi salah satu lokasi rintis Program PINTAR. Sejak dilancarkan pada Ogos 2024, tagal tersebut telah mencatatkan lebih 480 pengunjung dan menjana pendapatan setempat melalui pelbagai aktiviti yang dikendalikan oleh komuniti.

Arthur yang juga Ahli Parlimen Pensiangan berkata, kejayaan sistem tagal bukan sekadar bergantung kepada keadaan sungai, tetapi berteraskan semangat komuniti, nilai gotong-royong, kawalan sendiri dan kesepakatan dalam memelihara sumber semula jadi. Tambah beliau, pendekatan berasaskan komuniti ini bukan sahaja menyumbang kepada kelestarian biodiversiti sungai, malah berpotensi membuka ruang kepada pelancongan, pendidikan alam sekitar dan pembangunan ekonomi luar bandar.

Pendekatan berasaskan komuniti ini sejajar dengan dasar keterjaminan makanan negara dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG 14: Life Below Water), sekaligus memperkukuh agenda pemuliharaan dan pembangunan luar bandar secara menyeluruh.

Turut hadir, Dato' Haji Adnan Hussain, Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia; Datin Dr. Shuhadah Haji Mustapha, Pengarah Perikanan Sabah; serta Puan Caroline Benjamin Jiungan, Pegawai Daerah Sook.

Pautan gambar :

<https://drive.google.com/drive/u/0/folders/12VR7-SfNPCoEUGQZc895lnQxJA9ABjxE>

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my